

14/03/2002

Peningkatan imej guru usah dicemari unsur negatif

SEJAK pembentangan Belanjawan Negara 2002 pada Oktober tahun lalu, pelbagai habuan dilihat memihak warga pendidik. Didahului manfaat daripada bonus, kenaikan gaji 10 peratus serta kenaikan pangkat dan gaji bagi kira-kira 30,000 pengetua, guru besar dan penolong kanan sekolah rendah dan menengah di seluruh negara, jasa dan pengorbanan guru berbalas dengan sewajarnya. Pengwujudan 5,000 jawatan baru di sekolah menengah, termasuk jawatan penolong kanan kokurikulum, turut memberi peluang besar kepada guru menikmati skim perkhidmatan lebih baik. Di samping itu, peruntukan tambahan RM1 bilion disediakan untuk Skim Pinjaman Kereta bagi memudahkan guru memiliki kenderaan sendiri dalam menjalankan tugas rasmi di sekolah dan luar sekolah.

Berkuat kuasa Januari lalu pula, pengetua dan guru besar diberi 35 hari setahun cuti tahunan sama seperti yang diberikan kepada pegawai kanan perkhidmatan awam. Tidak sekadar beruntung, malah pelbagai keistimewaan kepada guru menerbitkan rasa cemburu sebahagian besar kakitangan awam lain. Harapan di sebalik semua itu ialah ia dapat menjadi rangsangan kepada warga pendidik bekerja lebih keras bagi mencapai kecemerlangan dalam pendidikan. Di samping pengetua, guru besar dan penolong kanan harus lebih proaktif dalam melicinkan pengurusan sekolah, kenaikan itu juga seharusnya menaikkan semangat guru untuk terus mendidik serta melahirkan generasi berilmu yang cemerlang.

Keprihatinan kerajaan dalam mengangkat imej profesion perguruan sebagai antara penyumbang penting kepada pembangunan negara menerusi kecemerlangan pendidikan rakyatnya, tidak perlu dipertikaikan. Sewajarnya penghormatan itu dibalas oleh warga pendidik dengan iltizam memajukan diri serta anak bangsa. Harapan besar yang disandarkan ke bahu mereka ialah melaksanakan tugas dengan kaedah lebih profesional untuk mengangkat martabat sektor itu agar produk yang dihasilkan mereka, iaitu pelajar, menjadi lebih cemerlang. Mereka seharusnya melangkah ke tahun 2002 dengan semangat lebih tinggi dengan mementingkan kualiti untuk menjadikan sistem sedia ada lebih mantap dan baik serta dapat membangunkan pendidikan di semua peringkat.

Hairannya dengan cadangan terbaru untuk cuti tahunan turut diperluaskan kepada 270,000 guru di seluruh negara, sebahagian mereka masih tidak berterima kasih dengan segala keistimewaan yang ada. Andainya mereka berpendirian demikian kerana terpengaruh dengan parti pembangkang yang meuar-uarkan tidak perlu berterima kasih kepada sebarang pemberian yang menjadi tanggungjawab kerajaan menyediakannya, maka ia adalah sesuatu yang amat malang. Sebagai pendidik, guru yang bersikap seperti ini tidak akan memberi didikan serta menjadi contoh yang baik kepada pelajar. Jauh lebih malang apabila warga pendidik yang seharusnya dapat membezakan di antara sesuatu yang positif dan sebaliknya, merelakan diri dipengaruhi perkara negatif yang bertentangan dengan amanah besar yang disandarkan kepada mereka.

Pembangunan personaliti pelajar amat penting dalam proses pendidikan kerana sekolah adalah antara saluran utama untuk mengeluarkan insan serba boleh. Dalam hubungan ini, guru hendaklah memainkan peranan mereka dengan lebih cemerlang untuk melahirkan pelajar bersahsiah tinggi. Sebagaimana ditegaskan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin, guru tidak terkecuali perlu memberikan fokus dan mempunyai sikap bersungguh-sungguh dalam melaksanakan tanggungjawab memberi didikan yang baik kepada anak bangsa. Jangan nanti guru dituduh hanya pandai membuat rungutan dan

tuntutan tetapi sesudah semuanya dipenuhi, sumbangan sesetengah mereka terus menjadi bahan pertikaian.

(END)